

## Faktor Pengetahuan Tentang Kenajisan Babi dan Pola Interaksi Muallaf dengan Keluarga Bukan Islam di Pantai Barat Sabah

(*Factors in Understanding Pig-related Impurity and the Pattern of Interactions between Muslim Converts and their Non-Muslim Families in Sabah*)

HASNAN KASAN

SARIP ADUL

AMIR HUSIN MOHD NOR

Pusat Citra Universiti

Universiti Kebangsaan Malaysia

hasnan@ukm.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini secara khusus membahas mengenai satu isu fiqh iaitu pengetahuan tentang status kenajisan babi dan hubungannya dengan interaksi harian Muallaf dengan keluarga asal bukan Islam di Sabah. Pengetahuan tentang fiqh akan mempengaruhi sikap sehingga amalannya benar. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan secara terperinci tentang hukum babi serta mengenal pasti tahap pengetahuan mualaf dan pola interaksi dengan ahli keluarga bukan Islam. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Satu set soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan ujian-ujian statistik parametrik iaitu ujian-t dan ujian korelasi Pearson menggunakan program SPSS. Kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan faktor pengetahuan Muallaf tentang status kenajisan babi mengikut jantina. Manakala terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pengetahuan Muallaf tentang status kenajisan babi dengan pola interaksi kepada ahli keluarga bukan Islam.

**Kata Kunci:** muallaf, pengetahuan, pola interaksi.

### ABSTRACT

This study specifically addresses an issue in fiqh (Islamic jurisprudence), which is the understanding on the status of pig-related impurity and the relationship between Muslim converts' daily interactions with their non-Muslim families in Sabah. The understanding of fiqh will affect one's attitude until the practice becomes correct. This study aims to explain in detail the Islamic legal rulings on pork and identify the level of the Muslim converts' understanding and the pattern of interaction with their non-Muslim family members. This study is a quantitative study. A set of questionnaires was used to collect data. The data were analyzed descriptively and inferred using parametric statistics tests namely t-test and Pearson correlation test using the SPSS program. The study found that there was no significant difference between the Muslim converts' understanding and the status of pork with regard to sex. Whereas, there was a significant

relationship between the Muslim converts' understanding and the status of pork with regard to the pattern of interaction towards their non-Muslim family members.

**Keywords:** mualaf, knowledge, pattern of interaction.

## PENGENALAN

Ada pendapat menyebut bahawa agama Islam dipercayai sampai ke beberapa kawasan berhampiran Sabah kira-kira abad ke-10, manakala pendapat lain menyebut sekurang-kurang pada abad ke-11 dan ke-12. Namun sumber yang dapat diterima menunjukkan Islam hanya mula diterima penduduk tempatan Sabah pada abad ke 15 dengan wujudnya manuskrip asal bertulisan Jawi dalam bahasa Idahan di Lahad Datu yang bertarikh 1408M. Sejak itu, Islam membentuk sejarah kebangunan dan tamadun umat di Sabah (Muhiddin Yusin, 1990).

Perkembangan Islam semakin rancak ketika pemerintahan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu yang mana kedua-dua kerajaan tersebut adalah pemilik awal bumi Sabah. Kedua-dua kerajaan ini pula merupakan sebahagian daripada rangkaian kerajaan Islam yang wujud di Kepulauan Melayu (Ongkili, 1972).

Gerakan pengislaman besar-besaran berlaku pada tahun 1970an yang dipelopori oleh USIA (*United Sabah Islamic Association*). USIA bukan sekadar berperanan mengerakkan dakwah kepada bukan Islam, ia juga menyumbang secara khusus kepada penubuhan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) pada 15 September 1971, pembinaan sekolah agama, pertambahan jumlah masjid dan surau, mewujudkan perkampungan baru Islam khususnya di kawasan pedalaman (Suraya Sintang, 2005).

Dakwah dan pengislaman di Sabah tidak pernah berhenti. MUIS dan agensinya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) telah meneruskan usaha tersebut di samping NGO Islam lain yang terlibat secara langsung dengan dakwah di Sabah. Menurut sumber daripada JHEAINS, antara tahun 2000 hingga 2009 sahaja seramai 18,491 orang bukan Islam telah memeluk agama Islam di Sabah dan sebahagian besarnya di kawasan Pantai Barat iaitu seramai 8514 orang.

Mualaf yang memeluk Islam ini sebahagian besar masih berinteraksi dengan ahli keluarga bukan Islam dalam bentuk menziarahi rumah mereka atau tinggal bersama dengan mereka. Perbuatan tersebut bertepatan dengan ajaran Islam yang memerintahkan penganutnya berbuat baik dengan ibu bapa dan ahli keluarga yang bukan beragama Islam. Imam al-Nawawi menegaskan bahawa orang Islam oleh menziarahi perkuburan ahli keluarganya yang bukan Islam setelah mereka meninggal dunia maka menziarahi mereka ketika masih hidup adalah lebih perlu (al-Nawawi, 1392).

## PERSOALAN KAJIAN

Persoalan yang ingin dijawab melalui kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pengetahuan dan pola interaksi di antara mualaf lelaki dan mualaf perempuan?

- b) Apakah darjah korelasi atau hubung kait antara faktor pengetahuan dengan pola interaksi kepada ahli keluarga bukan Islam dalam kalangan Muallaf Sabah?

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini berhasrat untuk mengetahui sejauh mana pengetahuan muallaf tentang status kenajisan daging babi serta hubungan di antara faktor pengetahuan dengan pola interaksi muallaf kepada ahli keluarga yang bukan beragama Islam di Sabah.

### KENAJISAN BABI

Kenajisan babi merupakan tajuk yang sering dibincangkan oleh Fuqaha dalam *Bab al-Toharah* (Bab Bersuci) dan merupakan tajuk kecil dalam *Kitab al-Ibadah*.

### ***Hukum Memakan Daging Babi***

Ijma' ulama sepakat tentang keharaman memakan daging babi kecuali dalam situasi darurat berdasarkan firman Allah SWT:

(حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمُبَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِزِيرِ وَمَا أَهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ  
وَالْمُنْخَنَقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا  
ذَكَيْتُمْ وَمَا دُبِّحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ سَتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَامِ ذَلِكُمْ فِسْقُ الْيَوْمِ  
يَئِسَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِيْنِكُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشُونَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ  
دِيْنَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِبْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِيْنًا فَمَنْ اضْطَرَّ  
فِي مَحْمَصَةٍ غَيْرَ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ)

(diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang yang disembelih kerana selain daripada Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik) (Surah al-Maidah:3).

Para fuqaha dalam Mazhab Hanbali menyatakan bahawa ketika darurat, memakan daging anjing perlu didahului daripada memakan daging babi kerana tiada nas yang jelas mengenai daging anjing. Begitu juga ketika darurat, memakan lemak babi, hati dan anggota badannya perlu didahului sebelum dagingnya kerana pengharaman memakan dagingnya telah turun nas al-Quran secara jelas (al-Rahaibani, 1990). Para fuqaha dalam Mazhab Maliki pula berpandangan, ketika wujud daging babi dan daging bangkai binatang yang lain, wajib memakan daging bangkai selain babi ketika darurat (al-Dasuqi, t.th).

### ***Kenajisan Babi***

Walaupun fuqaha sepakat dalam pengharaman memakan daging, lemak dan seluruh anggota badan babi tetapi mereka berbeza pandangan dalam isu kenajisan babi. Berikut adalah pandangan dalam isu kenajisan tubuh badan babi:

*Pandangan pertama:* babi merupakan najis *ainiy* (keseluruhan jasadnya adalah najis) sama ada ketika hidup atau setelah ia mati. Ini merupakan pandangan Jumhur Fuqaha mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali (al-Siwasi, t.th). Pandangan mereka bersandarkan dalil-dalil berikut:

- Allah menyifatkan babi sebagai *al-Rijsu* dan ia seerti dengan *al-Najasu* (najis) dalam Firman Allah S.W.T:

فُلْنَ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوْحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ  
مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوْحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أَهْلَ لِغَيْرِ  
اللَّهِ بِهِ فَمَنْ اضْطَرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ (١٤٥)

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Aku tidak dapat dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik. (Surah al-An'am:145).

- Qiyas Babi dengan anjing di mana anjing telah *qatie'* kenajisannya. Bahkan babi lebih teruk daripada anjing kerana ia tidak boleh dimanfaatkan sama sekali berbanding anjing yang boleh dimanfaatkan untuk berburu. Maka sewajarnya babi lebih najis berbanding anjing (al-Bahuti, t.th).

*Pandangan kedua:* babi sama seperti keldai, singa dan serigala yang mana jisimnya adalah suci selagi ia bernyawa, termasuklah badan, air mata, air liur dan peluhnya. Namun apabila ia sudah mati maka hukumnya hukum bangkai dan ia menjadi najis seperti bangkai binatang yang lain. Ini merupakan pandangan mazhab Maliki (al-Mahdawi, 2007).

Pandangan pertama yang mengatakan bahawa daging babi adalah najis merupakan pandangan yang *rajih*. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 145 yang menyebut bahawa daging babi adalah *al-Rijsu*. Yusuf al-Qaradawi berpandangan, hanya daging babi sahaja yang najis kerana dalam firman Allah SWT: لَحْمَ خِنْزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ ganti nama (*dhamir*) yang terdapat dalam ayat tersebut adalah kembali kepada (daging babi) dan bukannya keseluruhan babi. Menurut Yusuf al-Qaradawi lagi babi pada asalnya adalah suci sehingga datang dalil yang menyatakan kenajisan dagingnya maka ketika itu hanya dagingnya sahaja yang najis dan baki jasadnya yang lain adalah suci (al-Kasanie, 1986).

### ***Hukum Menggunakan Perkakas Dapur Bukan Islam***

Perkakas dapur seperti periuk, belangga, pinggan, mangkuk dan gelas yang dimiliki oleh bukan Islam kemungkinan digunakan untuk memasak dan menghidangkan makanan yang diharamkan dan dianggap najis bagi orang Islam. Persoalannya adakah perkakasan dapur tersebut boleh digunakan oleh orang Islam? Muallaf khususnya akan berhadapan dengan persoalan ini apabila kembali ke rumah keluarga mereka yang bukan Islam.

Para fuqaha berbeza pandangan tentang hukum menggunakan perkakas dapur milik bukan Islam berdasarkan perbezaan fahaman mereka mengenai maksud hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Tha'labah al-Khusyani r.a, ia berkata kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, aku berada di bumi Ahli Kitab, lalu kami makan menggunakan perkakasan dapur mereka...”. Rasulullah SAW bersabda:

(أَمَّا مَا ذَكَرْتَ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ، فَإِنْ وَجَدْتُمْ غَيْرَهَا فَلَا تَأْكُلُوا فِيهَا،  
وَإِنْ لَمْ تَجِدُوهَا فَاغْسِلُوهَا وَكُلُّوا فِيهَا)

*(Adapun apa yang engkau sebut mengenai Ahli Kitab, maka jika engkau perolehi perkakas yang lain, jangan makan menggunakan perkakasan mereka. Jika engkau tidak memperolehi yang lain, maka basuhlah ia dan makan daripadanya)*  
*(Sahih al-Bukhari. No. 5478)*

Menurut Imam al-Nawawi, perkakas dapur yang dimaksudkan dalam hadis tersebut ialah yang telah digunakan untuk memasak babi (al-Nawawi. t.th). Beliau berdalilkan kisah yang datang sebelum hadis tersebut di mana Abu Tha'labah berkata: “Kami melewati Ahli Kitab dan mereka memasak dalam periuk mereka daging babi dan menggunakan gelas mereka untuk meminum arak”.

Pandangan pertama; tidak boleh menggunakan perkakas dapur ahli Kitab kecuali memenuhi dua syarat:

- i. Terpaksa menggunakan kerana sudah tidak adap perkakas dapur yang lain.
- ii. Mesti di basuh terlebih dahulu sebelum menggunakan.

Pandangan ini merupakan pandangan sebahagian fuqaha antaranya Ibnu Hazm daripada mazhab Zahiri (al-Kilabi, t.th).

Pandangan Kedua; boleh menggunakan perkakas dapur mereka kerana hukum asal adalah bersih sehingga diyakini ia digunakan untuk memasak makanan yang dianggap najis dalam Islam. Adapun arahan supaya membasuhnya adalah sunat sahaja sebagai langkah berhati-hati ataupun arahan dalam hadis Abu Tha'labah supaya membasuh perkakasan mereka jika diyakini ia digunakan untuk memasak dan menghidangkan makanan yang dihukumkan najis dalam Islam (al-'Asqalani, 1379H).

Abdul Karim Zaidan telah mentarjikan pandangan yang mengatakan harus menggunakan perkakasan dapur bukan Islam berdasarkan hadis berikut:

- i. Dari Jabir bin Abdullah r.a berkata:

(كُنَّا نَغْزُو مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَنَصِيبٌ مِنْ آنِيَةِ  
الْمُشْرِكِينَ، وَأَسْقِيَتُهُمْ فَنَسْتَمْتَعُ بِهَا ، فَلَا يُعَابُ عَلَيْنَا)

*“Kami menyertai perperangan bersama Rasulullah SAW, lalu kami memperolehi pinggan mangkuk dan bekas minuman orang-orang musyrikin (yang ditinggalkan oleh mereka dalam perperangan), lalu kami menggunakan (untuk makan dan minum) dan Rasulullah SAW tidak mencela kami”.*  
*(Hadis riwayat Ahmad no. 15053)*

- ii. Anas bin Malik berkata:

(أَنَّ يَهُودِيًّا دَعَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى حُبْزٍ شَعِيرٍ،  
وَإِهَالَةٍ سَنِخَةٍ، فَأَجَابَهُ)

“Orang Yahudi telah menjemput Rasulullah SAW untuk makan roti gandum dan lemak rasanya dan Baginda memenuhi jemputan tersebut”  
(Hadis riwayat Ahmad no. 13860)

Memakan makanan orang Yahudi juga bermaksud Rasulullah SAW menggunakan pinggan mangkuk mereka untuk makan dan Baginda tidak membasuhnya terlebih dahulu. Imam Ibn Qayyim menyebut bahawa telah menjadi kebiasaan orang Islam memakan makanan ahli kitab dan Umar bin al-Khattab r.a telah mensyaratkan kepada ahli kitab supaya melayan orang Islam yang melintasi tempat mereka sebagai tetamu dan memberi tetamunya makanan daripada apa yang mereka makan. Tanpa syak lagi, amalan memakan makanan yang disediakan oleh ahli kitab menyebabkan orang Islam terpaksa menggunakan pinggan mangkuk mereka untuk makan (al-Jauziyyah, t.th). Walaupun harus menggunakan perkakas dapur ahli kitab, tapi tetap disunatkan membasuhnya terlebih dahulu (al-Ramli, 1984).

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan yang melibatkan kaedah kajian tinjauan menggunakan soal selidik. Chua (2006) menjelaskan bahawa kajian tinjauan sesuai dijalankan oleh pengkaji yang ingin mengetahui untuk mengukur pengetahuan, sikap, dan amalan daripada kumpulan subjek yang besar. Soal selidik yang diedarkan mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A (Profil Responden), bahagian B (Kekerapan Berinteraksi), bahagian C (Keluarga Bukan Islam Memelihara Babi) dan bahagian D (faktor pengetahuan, sikap dan amalan). Instrumen kajian dibina sendiri berdasarkan sorotan literatur.

Kajian menggunakan pemilihan sampel secara rawak. Sampel adalah kalangan muallaf yang berumur 18 tahun ke atas yang mengikuti pengajian di kelas-kelas bimbingan agama anjuran JHEAINS sekitar Kota Kinabalu, Tuaran, Tamparuli, Papar, Ranau, Kudat, Matunggong, Pitas dan Kota Marudu. Sebanyak 600 borang kaji selidik telah diedarkan kepada responden dan sebanyak 580 yang lengkap diisi dan dikembalikan. Setelah diproses dan dibuat pembersihan data dengan menggunakan program SPSS, jumlah soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah sebanyak 546 sahaja.

### **Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik**

Hasil daptan analisis mengenai kebolehpercayaan menunjukkan instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan pekali kebolehpercayaan *alfa Cronbach* untuk faktor pengetahuan (0.676), sikap (0.684), dan amalan ialah 0.739. Menurut Chua (2006) nilai alfa antara 0.65 hingga 0.95 menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang memuaskan dan boleh digunakan.

## DAPATAN KAJIAN

### **Deskripsi Demografi Responden**

Responden seramai 546 orang Muallaf dipilih dalam kajian ini terdiri daripada muallaf sekitar bahagian pantai barat utara dan selatan negeri Sabah. Hasil analisis deskripsi menunjukkan responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki, di mana seramai 427 orang (78.2%) responden perempuan dan 119 orang (21.8%) responden lelaki.

Berdasarkan pendidikan pula, majoriti responden pula sekadar bersekolah hingga peringkat menengah iaitu seramai 324 orang (59.3 %). Responden yang bersekolah rendah pula ialah seramai 127 orang (23.3 %), tidak bersekolah seramai 51 orang (9.3 %) dan selebihnya sampai ke peringkat universiti seramai 44 orang (8.1 %).

### **Kekerapan Berinteraksi Dengan Keluarga Bukan Islam**

Jadual 1 menunjukkan kekerapan responden berinteraksi dengan ahli keluarga bukan Islam selepas memeluk agama Islam.

Jadual 1: Jumlah kekerapan berinteraksi dengan ahli keluarga bukan Islam

Faktor	Jumlah Responden	Peratusan (%)
Tinggal bersama	80	14.7
Setiap hari tapi tidak tinggal bersama	92	16.8
Menziarahi setiap minggu	102	18.7
Menziarahi setiap bulan	150	27.5
Menziarahi setahun sekali	100	18.3
Tidak pernah menziarahi mereka	22	4.0
Jumlah	546	100.0

Jadual tersebut menunjukkan majoriti responden (27.5 %) menziarahi ahli keluarga bukan Islam sebulan sekali, diikuti dengan 18.7 % menziarahi setiap minggu, 18.3 % menziarahi mereka setahun sekali, 16.8 % menziarahi setiap hari. Terdapat juga responden yang masih tinggal dengan keluarga asal bukan Islam iaitu seramai 14.7 %. Begitu juga terdapat dalam kalangan mereka yang tidak pernah menziarahi ahli keluarga asal bukan Islam dan jumlah mereka agak kecil iaitu 4.0 %.

Persoalan pertama adalah ‘adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor faktor pengetahuan dan pola interaksi di antara muallaf lelaki dan muallaf perempuan? Jadual 2 menunjukkan hasil ujian-t perbezaan faktor pengetahuan dan pola interaksi mengikut Muallaf lelaki dan perempuan. Muallaf perempuan didapati mempunyai pola interaksi yang lebih tinggi berbanding muallaf lelaki. Hasil analisis ujian-t juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan faktor pengetahuan yang signifikan mengikut jantina. Manakala terdapat perbezaan pola interaksi yang signifikan mengikut jantina.

Jadual 2: Perbandingan faktor pengetahuan dan pola interaksi di antara muallaf lelaki dan muallaf perempuan

	Jantina	N	Mn	SD	T	p
	M	119	2.7261	0.1708		
Pengetahuan	F	427	2.7257	0.1647	.023	0.981
	F	427	3.1692	.3082		
Pola Interaksi	M	119	2.8739	1.5045		
	F	427	3.4192	1.3840	-3.728	0.000**

\*\* p < 0.01

Persoalan kedua adalah ‘apakah darjah korelasi atau hubung kait antara faktor pengetahuan dengan pola interaksi kepada ahli keluarga bukan Islam dalam kalangan muallaf di Sabah? Jadual 3 menunjukkan pekali korelasi di antara pengetahuan dengan pola interaksi Muallaf kepada ahli keluarga bukan Islam. Faktor pengetahuan tentang status kenajisan babi berhubungan signifikan dengan pola interaksi kepada ahli keluarga bukan Islam di Sabah. Hal ini bermakna bahawa muallaf yang berpengetahuan tinggi akan memberikan pengaruh yang baik dalam berinteraksi dengan ahli keluarga mereka yang bukan beragama Islam.

Jadual 3: Pekali korelasi diantara faktor pengetahuan dengan pola interaksi muallaf kepada ahli keluarga bukan Islam

		Pengetahuan	Pola_Interaksi
Pengetahuan	Pearson Correlation	1	-.128**
	Sig. (2-tailed)		.003
	N	546	546
Pola_Interaksi	Pearson Correlation	-.128**	1
	Sig. (2-tailed)	.003	
	N	546	546

\*\*. p < 0.01

## PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan muallaf mengenai kenajisan kenajisan babi tidak banyak dipengaruhi oleh tahap pendidikan mereka. Hasil analisis deskripsi tahap pendidikan menunjukkan responden yang tidak bersekolah paling ramai berbanding responden yang berpendidikan rendah dan ke atas. Perbezaan pola ini boleh ditafsirkan melalui tiga andaian:

- (i) Responden yang tidak pernah bersekolah mungkin kurang pengetahuan mengenai hukum berkaitan kenajisan babi dan sumber pengetahuan mereka adalah berdasarkan pemerhatian terhadap kehidupan muslim asal. Ini terbukti apabila majoriti responden yang menjawab ‘tidak pasti’ ialah mereka yang tidak pernah bersekolah.
- (ii) Andaian bahawa jawapan ‘tidak betul’ berdasarkan pandangan mazhab Syafie yang menyatakan bahawa pinggan mangkuk yang pernah digunakan untuk menghidangkan daging babi mesti disamak menjadi pegangan rasmi umat Islam di Malaysia. Perbezaan jawapan menunjukkan responden yang berpendidikan rendah lebih ramai yang menjawab betul berbanding yang berpendidikan tinggi. Kemungkinan responden yang berpendidikan rendah lebih kerap menghadiri kelas bimbingan fiqh yang diadakan di pusat bimbingan atau kuliah agama di masjid. Responden berpendidikan tinggi mungkin kurang menghadiri kelas bimbingan dan kuliah agama kerana kesibukan mereka ketika belajar atau kesibukan setelah bekerjaya. Biasanya yang berpendidikan lebih tinggi memperolehi kerjaya lebih baik berbanding yang berpendidikan rendah dan tidak bersekolah.
- (iii) Andaian bahawa responden yang berpendidikan universiti tidak menjawab berdasarkan pandangan mazhab Syafie bahkan mengambil pandangan mazhab lain. Jumhur fuqaha beranggapan bahawa menyucikan tempat yang terkena daging babi cukup dengan membasuhnya menggunakan air biasa sehingga bersih tanpa perlu menyamaknya. Pandangan ini juga telah dipilih oleh Imam al-Nawawi, seorang fuqaha dalam mazhab Syafie. Andaian ini logik kerana mereka memiliki peluang akses yang luas terhadap maklumat sedemikian seperti bahan bacaan di perpustakaan, internet dan ulama yang pelbagai.

Hasil Ujian-t perbezaan faktor pengetahuan mengikut jantina juga tidak berbeza signifikan. Manakala perbezaan pola interaksi mengikut jantina menyumbang nilai yang signifikan. Adapun hubungan antara faktor pengetahuan tentang kenajisan babi dengan pola interaksi muallaf kepada ahli keluarga bukan Islam adalah signifikan. Hal ini bermakna bahawa faktor pengetahuan tentang hukum fiqh (status kenajisan babi) menjadi keutamaan muallaf agar berinteraksi sama ada baik atau tidak dengan ahli keluarga bukan Islam. Pengetahuan akan membentuk sikap, dan sikap akan menampakkan menjadi amalan yang baik. Disebabkan pengetahuan yang baik, maka pola interaksi manusia dicagarkan baik.

## KESIMPULAN

Tahap pengetahuan seseorang tentang hukum syara' dapat memberikan nilai tambah bagi individu dalam menjalani kehidupannya. Walaupun tidak semestinya seseorang yang memahami hukum-hukum syara' boleh mengamalkannya sesuai dengan pengetahuannya tersebut. Kajian ini memberikan gambaran bahawa pengetahuan tidak terklasifikasikan ke atas jantina lelaki dan perempuan, tetapi pengetahuan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pola interaksi kepada ahli keluarga bukan Islam ke atas data kajian ini.

## RUJUKAN

al-Quranul-karim

al-Hadith

al-Andalusi, Ibn al-Hazm. t.th. *Al-Muhalla bi al-Athar*. Beirut; Dar al-Fikr.

al-'Asqalani, Ibn Hajar. 1379H. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut; Dar al-Ma'rifah.

al-Bahuti, Mansur bin Yunus. t.th. *Kasyaf al-Qina' An Matan al-Iqna'*. Beirut; Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill Education, Malaysia Sdn. Bhd.

al-Dasuqi, Muhammad bin Ahmad. t.th. *Hasyiah al-Dasuqi 'Ala al-Syarh al-Sogir*. Beirut; Dar al-Fikr.

Ongkili, James P. 1972. Pre-Western Brunei, Sarawak and Sabah. *The Sarawak Museum Journal*, 20, 40-41.

al-Jauziyyah, Ibn Qayyim, t.th. *Ighathat al-Luhfan*. Riyad; Maktabah al-Ma'arif.

al-Kasanie, Abu Bakar bin Mas'ud. 1986. *Badaie al-Sanaie fi Tartib al-Syaraie'*, Beirut; Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

al-Kilabi, Muhammad bin Ahmad.t.th. al-Qawanin al-Fiqhiyyah. Beirut; Dar al-Fikr.

al-Mahdawi, Ibrahim bin Abdul Samad. 2007. *al-Tanbih 'Ala Mabadi' al-Taujih*. Beirut; Dar Ibn Hazm.

Muhiddin Yusin. 1990. *Islam di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Nawawi, Yahya bin Syarf. 1392. *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*. Beirut; Dar al-Ihya.

al-Nawawi. *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*.

al-Rahaibani. 1990. *Matolib Uli al-Nuha fi Syarh Ghayat al-Muntaha*. Al-Maktab al-Islami.

al-Ramli, Muhammad bin Abi al-Abbas. 1984. *Nihayat al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj*. Beirut; Dar al-Fikr.

al-Siwasi, Kamal bin al-Hamam. t.th. *Fath al-Qadir*, Beirut; Dar al-Fikr.

Suraya Sintang. 2005. Sejarah Perkembangan Mualaf Di Sabah : Peranan Dan Sumbangan USIA (United Sabah Islamic Association). *Jurnal al-Tamaddun*, Universiti Malaya, 1.

<http://hal.qaradawi.net>, hal.component, hal.content, hal.article, hal.4488.html